

**SYARAT KELAYAKAN MENDAPATKAN INSENTIF/BANTUAN
SIPG, PPG & PIP SERTA KADAR DAN KOMPONEN – KOMPONEN BERKAITAN**

BIL	PERKARA	PPG	SIPG	PIP
1.	SYARAT	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pekebun kecil warganegara Malaysia yang memiliki jumlah keluasan tanah tidak melebihi 4.0 hektar secara agregat. 2. Kebun tersebut mestilah mempunyai hak milik yang sah. 3. Kebun telah mencapai tahap matang dan boleh ditoreh sekurang-kurangnya mengandungi 70% atau 350 pokok sehektar. 4. Kebun sentiasa diselenggara mengikut amalan pertanian yang baik (GAP). 5. Keutamaan permohonan hendaklah diberi mereka yang menjadi ahli KPK/ KPG Daerah/Negeri. 6. Diberi sekali sahaja kecuali jika kebun berkaitan mengalami kerosakan akibat bencana alam. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pekebun kecil warganegara Malaysia yang memiliki jumlah keluasan tanah tidak melebihi 4.0 hektar secara agregat. 2. Kebun tersebut mestilah mempunyai hak milik yang sah. 3. Kebun yang mencapai tahap matang dan boleh ditoreh. 4. Kebun getah yang baru dibuka tapak torehan hendaklah mengandungi 70% atau 350 pokok sehektar 5. Kebun sentiasa diselenggara mengikut amalan pertanian yang baik (GAP) 6. Bagi setiap pakej SIPG pemohon layak diberi maksimum 3 kali (sekali setahun) dengan syarat mencapai peningkatan produktiviti tahunan 100 kg/hektar/tahun dengan merujuk kepada kad produktiviti atau laporan produktiviti. 7. Permohonan pakej seterusnya adalah dianggap sebagai permohonan baru dan perlu mengisi borang permohonan SIPG 1. 8. Keutamaan permohonan hendaklah diberi kepada mereka yang menjadi ahli KPK/ KPG Daerah/Negeri dan pekebun kecil yang menggunakan kad produktiviti. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Koperasi Pekebun Kecil (KPK), Syarikat Milikan RISDA (SMR), AJK Tanam Semula Berkelompok (TSB) dan mana-mana individu yang diluluskan oleh pihak RISDA. 2. Mempunyai lesen urusniaga getah dan sawit. 3. Memiliki keperluan logistik seperti lori atau pacuan empat roda bagi pengusaha PTS.
2.	KADAR	RM500/Hektar	RM317/ Hektar	DPL - RM70,000 DPS - RM40,000 PTS - RM310,000